

# SEJARAH BERITA KAMPUS

Oleh:

MANSOR AHMAD SAMAN

# **SEJARAH BERITA KAMPUS**

**Oleh:**

**MANSOR AHMAD SAMAN**

## SEJARAH BERITA KAMPUS

Oleh: MANSOR AHMAD SAMAN

### Pada Mulanya...

Empat orang penuntut pertama Kewartawanan telah memulakan sebuah akhbar penuntut yang dinamakan *Grasis* (“Gerakan Siswa”) dalam bulan Ogos 1971. Akhbar ini kemudian bertukar nama kepada *Grasiswa* pada bulan Oktober 1971. Dan dalam tahun 1975, namanya bertukar kepada *Berita Kampus*.

Sejak tahun 1975, *Berita Kampus* menjadi akhbar makmal penuntut pengkhususan Kewartawanan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan -- dan kemudiannya Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia. Antara lain, penuntut pengkhususan Kewartawanan bertanggungjawab merancang, menulis, melapor, menyiapkan dan mengedarkan *Berita Kampus* kepada seluruh warga kampus.

Empat orang penuntut yang menghasilkan *Grasis* ialah Mansor Ahmad, Ismail Mamat, Tuan Ibrahim Tg. Abdullah dan Tuan Kamaruzaman Tuan Mohamed. Mereka adalah dari kumpulan pelajar pertama Komunikasi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (yang pada masa itu dikenali dengan nama Universiti Pulau Pinang).

Pengajian Komunikasi telah dimulakan sebagai salah satu bidang pengkhususan di bawah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dalam tahun 1971. (Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan ditubuhkan dalam tahun 1970, manakala Universiti Sains Malaysia ditubuhkan dalam tahun 1969.) Pengajian Komunikasi yang bermula di bawah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan itu adalah Pengajian Komunikasi tertua di negara ini. Ia berkembang dan berpisah dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan menjadi Pusat Pengajian Komunikasi dalam tahun 1995.

*Grasis* pertama telah diterbitkan pada 9 Ogos 1971. Sebelum penerbitan akhbar tersebut, empat orang bakal penerbit itu telah berjumpa dengan Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Profesor Robert Van Niel, untuk mendapat bantuan.

Profesor Van Niel menyokong idea mereka dan bersetuju membantu *Grasis* dengan memberi peruntukan awal sebanyak dua keluaran. Selepas itu, *Grasis* perlu hidup dari pendapatannya sendiri. Hal ini sebenarnya merungsingkan empat orang penuntut tersebut tetapi mereka bertekad untuk mencuba. Pada kesimpulannya mereka berpendapat bahawa mereka mungkin dapat terus menerbitkan *Grasis* lebih dari dua keluaran. Mereka mungkin mempunyai cukup belanjawan dari jualan akhbar dan iklan.

## Cabaran

*Grasis* pertama, yang menggunakan bahasa Melayu dan Inggeris dalam bahan laporannya, dijual dengan harga 20 sen. Ia mempunyai enam halaman dan ia tidak mempunyai iklan. Ia dicetak sebanyak 1,000 naskhah. Percetakannya dibuat di bandaraya Tanjung atau George Town. Terbitan pertama habis terjual. Jabatan Canselori (Naib Canselor pertama pada masa itu ialah Profesor Hamzah Sendut) turut membeli 500 naskhah untuk dihantar kepada ibu-bapa penuntut.

Jadi, pendapatan keluaran pertama *Grasis* tidak dapat menampung kosnya. Pendapatannya adalah RM200, manakala kosnya adalah RM400. Hal kewangan ini tentulah merungsingkan empat orang pengasas akhbar tersebut.

*Grasis* bukan sahaja menghadapi masalah kewangan. Ia juga menghadapi masalah bahan, masalah bimbingan dan bantuan dari pensyarah.

Para pensyarah Komunikasi dan Kewartawanan pada masa itu adalah pensyarah jemputan atau “pensyarah terbang”. Semua mereka tidak tahu berbahasa Melayu. Mereka diterbangkan datang ke Pulau Pinang dari Kuala Lumpur dan Singapura.

Untuk Kewartawanan, khususnya, mereka datang dari South-East Asia Press Centre, Kuala Lumpur. SEAPC, Kuala Lumpur (kini Institut Akhbar Malaysia), yang bertempat di Jalan Ampang pada masa itu, diketuai oleh Encik Jack Glattback, seorang warga Britain dan bekas seorang pengarang atau editor salah sebuah akhbar di Britain. Dia adalah salah seorang pensyarah kursus Kewartawanan pada masa itu. Selalunya para “pensyarah terbang” ini berada di kampus hanyalah pada waktu kuliah. Selepas kuliah mereka balik ke hotel untuk berehat atau untuk bersiap-siap untuk terbang pulang ke Kuala Lumpur atau Singapura.

## Kerja Berat

Jadi empat orang penuntut yang menerbitkan *Grasis* mendapat kerja mereka sangat sukar kerana mereka tidak dapat berbincang, meminta bantuan, dan pada amnya, meminta bimbingan dari para pensyarah. Mereka cuma boleh bergantung kepada pengetahuan yang diberikan di dalam kuliah dan pengetahuan dari buku.

Lagi pun, dari sudut kerja, mereka sangat tertekan. Mereka perlu mengambil lima kursus dalam satu semester, dan Kewartawanan hanyalah salah satu dari lima kursus tersebut. Mereka tidak menduga bahawa kerja penerbitan akhbar adalah satu beban dan tanggungjawab yang berat yang menuntut penumpuan perhatian bukan sahaja dalam hal kerja otak, tetapi juga kerja otot.

Pada siangnya mereka perlu mencari bahan, menjalankan wawancara atau *interview* untuk bahan berita. Dan pada malamnya pula mereka perlu menulis berita. Dan pada malamnya juga mereka perlu membuat kerja penyuntingan, penulisan tajuk berita, berbincang tentang hal kewangan, lidah pengarang, keletakan berita di dalam halaman akhbar, dan lain-lain.

Kemudian mereka perlu pergi berulang kali ke kedai cetak di Tanjung untuk menyemak pruf cetakan. (Para pekerja kedai cetak itu tidak pandai bahasa Melayu ataupun bahasa Inggeris.) Apabila *Grasis* sudah siap mereka perlu pergi lagi ke Tanjung dengan motosikal untuk mengangkut akhbar tersebut. Minyak dan makan-minum (dan rokok!) ditanggung sendiri.

Apabila akhbar tersebut sudah dibawa balik ke kampus, mereka berempatlah yang menjadi jurujualnya. Mereka menjaja di sana-sini di dalam kampus -- di tepi jalan, di kantin, di perpustakaan, di asrama, di bilik pensyarah dan di mana saja. Semua kerja ini memerlukan banyak masa, tenaga dan kesungguhan.

Berita besar di muka hadapan keluaran pertama ialah peruntukan sebanyak RM25 juta untuk Universiti Pulau Pinang bagi rancangan pembangunan lima tahunnya (1971-1975). Ia juga melaporkan bahawa dalam rancangan lima tahun itu jumlah penuntut UPP akan meningkat kepada 2,000 orang. Kata Naib Canselor Profesor Hamzah Sendut, dari jumlah itu dua-pertiga akan mengambil kursus-kursus Sains dan satu-pertiga akan mengambil kursus Sastera. Beliau menambah bahawa dalam jangkamasa yang sama jumlah pensyarah akan meningkat dari 110 orang kepada 200 orang.

Dalam lidah pengarang sulungnya -- dalam bahasa Inggeris -- *Grasis* membicarakan tentang keperluan Universiti Pulau Pinang, sebagai sebuah universiti baru, membentuk dan membina identitinya yang tersendiri. Ia berkata ini adalah tanggungjawab semua warga universiti, baik penuntut, pensyarah, pentadbir maupun kakitangan lainnya.

## Tawaran PMUPP

Beberapa hari sesudah penerbitan *Grasis*, Persatuan Mahasiswa Universiti Pulau Pinang (PMUPP) menghubungi sidang pengarangnya untuk merundingkan penerbitan bersama. Kedua belah pihak bermesyuarat sembilan hari selepas penerbitan *Grasis*, iaitu pada 18 Ogos, untuk membincangkan perkara itu.

Berikut ialah laporan *Grasiswa* pertama keluaran 14 Oktober 1971 mengenai perkara tersebut di bawah tajuk berita “Birth of Grasiswa”:

*Grasiswa* (Gerakan Siswa) is a merger between *Grasis* and *Siswa*, two independent publications that existed in Universiti Pulau Pinang before the existence of *Grasiswa*.

The merger came about when the PMUPP [Persatuan Mahasiswa Universiti Pulau Pinang] met the *Grasis* Editorial Board on August 18. PMUPP was representing *Siswa* which has not set up a Board yet this year. PMUPP wanted the *Grasis*

Board to join *Siswa* but the idea was rejected by the *Grasis* Editorial Board at first.

However after a one-hour meeting both parties came to an agreement that there should be a merger between *Grasis* and *Siswa* and a new newsletter be formed. Both parties agreed on the name *Grasiswa*.

*Grasiswa* is an independent publication but financially it will be supported by PMUPP. It will be published once a fortnight.

## Berita Kampus

*Grasiswa* diterbitkan hingga bulan Januari 1975, kemudian ia diambil-alih oleh Bahagian Komunikasi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Dalam tahun yang sama namanya bertukar kepada *Berita Kampus*. *Berita Kampus* pertama, disirikan sebagai Jilid 5, Bilangan 1, diterbitkan pada 7 Ogos 1975. Ia mempunyai empat halaman. Selepas itu ia berterusan menjadi akhbar penuntut Kewartawanan. Ia dicetak sebanyak 2,000 naskhah dan diedarkan secara percuma di dalam kampus.

Berita besar di muka hadapan *Berita Kampus* pertama adalah mengenai kesan Akta Universiti dan Kolej Universiti ke atas penuntut Universiti Sains Malaysia. Laporan itu mengatakan bahawa menurut satu tinjauan oleh *Berita Kampus* ia mendapati “that an atmosphere of anxiety, uncertainty and frustration is now prevailing among the students, especially the seniors.” Lidah pengarang *Berita Kampus* pertama itu, yang bertajuk “Akta dan Kesannya”, menyatakan penentangannya terhadap akta tersebut.

Menjelang tahun 1980an, *Berita Kampus* dicetak di dalam kampus dan ia masih diedarkan secara percuma. Ia dicetak sebanyak 2,500 naskhah, dan cara edarannya ialah ia diletak di luar perpustakaan, di kantin, di pos pengawal dan di bilik-bilik rehat di desasiswa. Bagi mereka yang melanggan (yang cuma dicaj duit setem) *Berita Kampus* dipos kepada mereka.

Menjelang tahun 1990, *Berita Kampus* diterbitkan sekali seminggu dan ia mula dijual dengan harga subsidi 50 sen senaskhah. Adalah menjadi tugas penuntut Kewartawanan yang menerbitkan akhbar itu untuk menjual akhbar tersebut kepada warga kampus. Wang yang didapati daripada iklan dan jualan akhbar dipulangkan kepada Pusat Pengajian.

Menjelang tahun 1995, Rancangan Komunikasi berpisah dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan menjadi Pusat Pengajian Komunikasi. Di bawah Pusat Pengajian Komunikasi *Berita Kampus* terus diterbitkan oleh penuntut Kewartawanan dan iklan untuk akhbar itu dicari oleh penuntut Periklanan.

Untuk mengurangkan beban kerja penuntut dan menjimatkan kos dan mengurangkan subsidi, *Berita Kampus* kembali diterbitkan dua minggu sekali. Ia dijual dengan harga 50 sen senaskhah.

## Sambutan

Sambutan pelajar dan warga kampus dari tahun 1971 hingga sekarang terhadap *Berita Kampus* adalah menggalakkan. Sering sahaja akhbar itu habis dijual. Malah kadangkala ada pihak merungut kerana mereka tidak dapat terbitan-terbitan tertentu. Dan sering juga ada pihak yang datang ke Bilik Berita untuk mendapatkan sesuatu keluaran kalau mereka tidak dapat memilikinya.

Dari sudut pencarian maklumat untuk dijadikan bahan berita, pada amnya, wartawan *Berita Kampus* mendapat kerjasama dari sumber-sumber berita di dalam mahupun di luar kampus. Tetapi sering juga ada sumber yang tidak mahu melayan dan memberi maklumat kepada wartawan *Berita Kampus*. Ini tentulah merumitkan kerja mereka.

Akhbar penuntut itu bukan sekadar menyiaran bahan yang didapati dari dalam kampus sahaja. Malah sering juga *Berita Kampus* menyiaran bahan yang berkaitan dengan pelbagai isu, perkara dan tempat di luar kampus. Untuk menghasilkan bahan-bahan begini, sering juga wartawan *Berita Kampus* perlu menjelajah dan mengutip maklumat dari pelbagai tempat baik di sekitar Pulau Pinang dan Seberang Perai maupun di seluruh negara.

## **Hubungan Dengan Pentadbir**

Sejak dari awal sejarahnya, hubungan *Berita Kampus* dengan Pentadbir Universiti adalah pahit-pahit manis. Hubungan itu kadang-kadang senang dan kadang-kadang tegang. Apabila *Berita Kampus* melaporkan perkara yang dianggap “positif,” atau menulis rencana atau lidah pengarang yang “positif” hubungan antara keduanya menjadi senang.

Tetapi apabila *Berita Kampus* melaporkan perkara atau membangkitkan isu yang dianggap “negatif”, hubungan antara keduanya menjadi tegang. Dan dalam suasana begini *Berita Kampus*lah mentimun dan pihak Pentadbiranlah durian -- menggelek luka, digelek pun luka.

Apabila ada laporan atau tulisan yang kurang menyenangkan pihak atasan Universiti, *Berita Kampus* sering ditegur. Dulunya, teguran ini selalunya dalam bentuk surat Pendaftar kepada Ketua Pengarang *Berita Kampus*. Dan hal ini akan dibincangkan oleh sidang pengarang untuk mencari jalan yang paling sesuai atau paling baik untuk mengatasi masalah itu. Kadangkala sidang pengarang *Berita Kampus* akan dipanggil oleh Dekan untuk berbincang tentang perkara tersebut.

Masalah ini berterusan; dan kadangkala Timbalan Naib Canselor, atau Naib Canselor sendiri, akan memberi teguran. Lazimnya hal begini akan disalurkan kepada

Dekan dan Dekan akan menyalurkannya kepada para Penasihat *Berita Kampus*, dan mereka seterusnya membawa perkara itu untuk perbincangan dan tindakan di dalam kelas.

Nampaknya perkara ini akan berterusan kerana *Berita Kampus* tidak akan tahu terlebih dahulu apakah yang “positif” dan apakah yang “negatif” dari pandangan Pentadbir Universiti sehingga ia diterbitkan. Apa yang difikirkan menjadi berita atau difikirkan sebagai perkara atau isu menarik oleh pengarang akan disiarkan -- kalau ruang mengizinkan. Soal “positif” atau “negatif” adalah berdasarkan penilaian pembaca.

## Masa Depan

Untuk masa hadapan, nampaknya *Berita Kampus* masih terus diperlukan sebagai wadah latihan bagi mereka yang ingin belajar mengumpul maklumat dan menulis sebarang jenis laporan. Dunia sekarang semakin mementingkan maklumat dan pengumpul maklumat, penulis dan pelapor terlatih sangat diperlukan oleh pasaran. Hal ini sama saja baik untuk media cetak ataupun media elektronik.

Para penulis dan pelapor diperlukan baik sebagai wartawan, penghasil risalah, penulis bebas maupun penulis blog. Dan untuk bersaing dalam dunia penyebaran maklumat yang semakin terbuka, pantas dan canggih ini para pengamalnya memerlukan latihan dan kepakaran.

*Berita Kampus* sebagai medan latihan bagi para penuntut di masa hadapan akan terus relevan dan penting. Ia memberikan latihan dan pengalaman sebenar dalam lapangan penulisan dan kewartawanan -- walaupun dalam luang yang lebih kecil dan terhad. Namun ia membina asas yang kukuh kepada para penuntut yang ingin menjadikan penulisan dan kewartawanan sebagai kerjaya mereka.

Masalah yang sedang dan akan terus dihadapi oleh *Berita Kampus* ialah masalah kos. Kos bahan bercetak di seluruh dunia sudah melambung dan nampaknya akan terus meningkat. Ini terutamanya ialah kerana kos kertas terus melonjak tahun demi tahun. Kalau *Berita Kampus* tidak mencari jalan penyelesaian kepada masalah ini maka kosnya akan melambung -- dan subsidinya akan meningkat. Dalam keadaan ini pihak Universiti mungkin tidak lagi mampu menanggung subsidi untuk akhbar tersebut.

Jalan keluar kepada masalah ini perlu dicari. Mungkin *Berita Kampus* boleh menambah jumlah terbitannya dan menambah jumlah siaran iklannya. Satu formula yang sesuai dalam hal ini mungkin dapat dicari untuk mengatasi ataupun mengurangkan masalah ini. Kalau masalah ini dapat diatasi maka *Berita Kampus* mempunyai harapan untuk hidup lama dalam tugasnya sebagai gelanggang latihan penuntut dan sebagai satu-satunya medium penyebar maklumat di dalam kampus.

#####  
MAS-10072008